

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 43/2026

PENILAIAN PRESTASI STAF TAHUN 2026

Dimaklumkan bahawa pelaksanaan Penilaian Prestasi Staf Tahun 2026 secara dalam talian (*online*) bagi Sistem Penilaian Prestasi Bagi Staf Akademik (eLPPT) dan Sistem Penilaian Prestasi Bagi Staf Pengurusan Profesional dan Pelaksana (eLNPT) akan dilaksanakan mengikut jadual seperti di Lampiran.

2. Bagi memastikan urusan penilaian prestasi staf tahun 2026 dapat dilaksanakan dengan lancar dan mengikut perancangan yang ditetapkan, semua staf hendaklah mematuhi jadual pelaksanaan tersebut. Sehubungan itu, semua **staf diingatkan supaya memasukkan Key Amal Indicator (KAI) ke dalam Sistem eLPPT/eLNPT lebih awal mengikut tempoh yang ditetapkan** bagi memudahkan proses semakan dan pengesahan data.
3. Menjadi tanggungjawab setiap staf untuk melengkapkan dan menyemak borang penilaian prestasi masing-masing melalui Sistem eLPPT/eLNPT. Semua staf yang layak adalah diwajibkan melengkapkan penilaian prestasi dan tiada pengecualian diberikan.
4. Bagi staf yang akan menamatkan perkhidmatan pada tahun penilaian tetapi berkhidmat lebih enam (6) bulan pada tahun penilaian, staf hendaklah melengkapkan Borang Laporan Penilaian Prestasi Khas (LNPK) dan mengemukakan kepada Pegawai Sumber Manusia (PSM) di Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebelum tarikh tamat perkhidmatan.
5. Pegawai Yang Dinilai (PYD) dan Pegawai Penilai [Pegawai Penilai Pertama (PPP) atau Pegawai Penilai Kedua (PPK)] hendaklah memastikan semua tanggungjawab berkaitan penilaian prestasi disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tindakan diambil selaras dengan peraturan dan ketetapan yang berkuat kuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:
 - a) Disyorkan kepada Jawatankuasa Tatatertib Universiti untuk pertimbangan tindakan tatatertib atas kesalahan ingkar perintah mengikut peraturan yang berkuat kuasa;
 - b) Tidak layak dipertimbangkan bagi sebarang bentuk pengiktirafan atau anugerah pada tahun berkenaan (termasuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang);
 - c) Tidak disambung perkhidmatan kontrak (bagi staf lantikan kontrak); dan
 - d) Penangguhan bayaran ganjaran kontrak (*gratuity of contract*), bagi staf lantikan kontrak.

6. Kerjasama semua staf amatlah dihargai bagi memastikan keseluruhan proses penilaian prestasi dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Pelaksanaan yang teratur akan membolehkan urusan perkhidmatan seperti Pergerakan Gaji Tahunan (PGT), Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), kenaikan pangkat, pengesahan dalam perkhidmatan, persaraan serta urusan berkaitan perkhidmatan yang lain dilaksanakan dengan lebih cekap dan teratur.


7. Tempoh pelaksanaan yang dinyatakan dalam Pekeliling ini adalah muktamad. Sehubungan itu, **sebarang permohonan atau rayuan untuk melanjutkan tempoh pelaksanaan tidak akan dipertimbangkan.**

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

JADUAL UMUM PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN STAF BAGI TAHUN 2026

BIL	PERKARA	TEMPOH	TINDAKAN
1.	PENENTUAN KELAYAKAN PENILAIAN DAN PEGAWAI PENILAI i. Menetapkan kelayakan penilaian LPPT dan LNPT. ii. Menetapkan dan mengemaskini Pegawai Penilai	24 - 28 Ogos 2026	PSM
2.	PENETAPAN KEY AMAL INDICATOR (KAI) (Awal Tahun) i. Perbincangan penetapan KAI bersama Pegawai Penilai ii. Pengisian KAI (Wajaran dan Sasaran)	1 - 15 Oktober 2026	PYD
3.	SISTEM 360° (KUALITI PERIBADI DAN NILAI SEPUNYA) (LNPT & LPPT) i. Penentuan kelayakan 360°, Penjanaan PPR dan PPS ii. Penjanaan PPR (Pegawai Penilai Rakan Sekerja) iii. Penilaian sistem 360° (Kualiti Peribadi dan Nilai Sepunya)	2 - 10 November 2026 16 - 30 November 2026 1 - 31 Disember 2026	PSM PYD PYD
4.	MAKLUMAT KEGIATAN SUMBANGAN / 7P i. Kemasukan Maklumat Kegiatan & Sumbangan - LNPT ii. Kemasukan Maklumat di Sistem Rekod 7P, RADIS, Innocoms, Icesys, AIMS - LPPT iii. Kemaskini maklumat / pembetulan sekiranya telah disemak oleh Pegawai Penilai	1 November - 31 Disember 2026 (sehingga 5.00 petang)	PYD
5.	KAJIAN SEMULA KAI AKHIR TAHUN i. Semakan kajian semula KAI berdasarkan pencapaian kerja sebenar bersama Pegawai Penilai ii. Kemaskini KAI dan sasaran (tambah/gugur)	1 - 31 Disember 2026 (sehingga 5.00 petang)	PYD
6.	PENGHANTARAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LPPT DAN LNPT)	31 Disember 2026 (sehingga 5.00 petang)	PYD

BIL	PERKARA	TEMPOH	TINDAKAN
7.	PENGESAHAN DATA LPPT Pengesahan Data Innocoms, Webometrik, IceSys, RADIS (Penyelidikan, Penerbitan)	Dibuat secara berfasa sehingga 10 Januari 2027	PIC SISTEM ICC, HEK, CCIN,RMC, PERPUSTAKAAN, UTM PRESS, UTM CDEX
8.	PENILAIAN DAN PENGISIAN SISTEM 360° OLEH PPR DAN PPS	11 - 24 Januari 2027 (sehingga 5.00 petang)	PPR, PPS
9.	PENGESAHAN MAKLUMAT KEGIATAN & SUMBANGAN LNPT Meneliti, mengesahkan dan menilai maklumat yang dimasukkan oleh PYD di LNPT	11 - 24 Januari 2027 (sehingga 5.00 petang)	PSM/PPP/ PIC SISTEM
10.	TEMPOH PENILAIAN PEGAWAI PENILAI PERTAMA (PPP) Pengesahan maklumat dan penilaian i. Perbincangan prestasi antara PPP dan PYD ii. Pindaan markah penilaian PPP (jika berkaitan) selepas perbincangan bersama PYD	11 - 24 Januari 2027 (sehingga 5.00 petang)	PPP (1,2,3)
11.	TEMPOH PENILAIAN PEGAWAI PENILAI KEDUA (PPK) i. Membuat penilaian dan ulasan secara keseluruhan. ii. Pindaan markah penilaian keseluruhan	25 Januari - 9 Februari 2027 (sehingga 5.00 petang)	PPK
12.	SEMAKAN PSM i. Semakan dan rayuan pindaan markah ii. Mesyuarat JKPBBP PTJ/ Fakulti iii. Penghantaran dokumen JKPBBP Universiti	10 - 17 Februari 2027 22 - 28 Februari 2027 2 Mac 2027*	PSM
13.	SEMAKAN URUS SETIA i. Semakan dokumen oleh urus setia ii. <i>Briefing</i> Mesyuarat JKPBBP Universiti iii. Mesyuarat JKPBBP Universiti	15 - 16 Mac 2027* 17 Mac 2027 18 - 19 Mac 2027	BSM
14.	SEMAKAN MARKAH AKHIR DI SISTEM Pindaan dan Pengesahan Markah di sistem	29 - 30 Mac 2027*	PSM

BIL	PERKARA	TEMPOH	TINDAKAN
15.	Penjanaan ROC KGT	6 - 10 April 2027*	PSM, BSM

NOTA: * Tertakluk kepada perubahan

Nota:

CCIN	: Pusat Jaringan Komuniti Industri
ICC	: Pusat Inovasi dan Pengkomersilan
RMC	: Pusat Pengurusan Penyelidikan
UTM PRESS	: Penerbit UTM Press
UTM CDEX	: Pusat Pemajuan Pembelajaran Digital dan Fleksibel
HEK	: Pejabat Hal Ehwal Korporat
KAI	: <i>Key Amal Indicator/Key Performance Indicator</i>
PYD	: Pegawai Yang Dinilai
PPP	: Pegawai Penilai Pertama
PPK	: Pegawai Penilai Kedua
PPR	: Pegawai Penilai Rakan Sekerja
PPS	: Pegawai Penilai Subordinat
PSM	: Pengurusan Sumber Manusia
PTJ	: Pusat Tanggungjawab
JKPBPP	: Jawatankuasa Pembangunan Bakat dan Pelan Penggantian
PSZ	: Perpustakaan UTM
SKT	: Sasaran Kerja Tahunan